



<b>Headline</b>	<b>Kejutan muka baru dalam skuad Revington</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Online(www.utusan.com.my)</b>		
<b>Date</b>	<b>14 May 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>NEWS</b>	<b>Circulation</b>	<b>300</b>
<b>Page No</b>	<b>5</b>	<b>Readership</b>	<b>8</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>0 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 1,500</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 4,500</b>

## Kejutan muka baru dalam skuad Revington

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8810681980&amp;z=1600249527](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8810681980&amp;z=1600249527)

KUALA LUMPUR - Skuad pelatih negara bagi menghadapi Liga Hoki Dunia bulan depan menyaksikan sedikit kejutan dengan kemasukan muka baru, Meor Muhamad Azuan Hassan namun nama ketua pasukan remaja, Mohd. Noor Faez Ibrahim tiada dalam senarai 26 orang yang diumumkan semalam. Kembali mendapat tempat dalam skuad bimbingan Paul Revington dan penolongnya, A. Arulsevaraj ialah pertahanan Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC), Ahmad Kazamirul Nasruddin, pemain tengah Sapura, Azreen Rizal Nasir dan penyerang Tenaga Nasional Berhad (TNB), Muhammad Firhan Ashaari. Senarai pelatih yang diumumkan pengurus pasukan George Koshy semalam, menyatakan Mohd. Noor Faez digugurkan atau masih tercedera di samping tujuh lagi iaitu Amir Farid Ahmad Fuzi, Hafifahafiz Hanafi, Jiwa Mohan, Mohd. Sallehin Abdul Ghani, Mohd. Syamim Mohd. Yusof, Mohd. Amerullah Abdul Aziz dan Shahrin Mohammad selain Ismail Abu. Meor Muhamad Azuan, pemain Universiti Kuala Lumpur (UniKL) juga merupakan antara bintang muda berbakat yang diserap daripada skuad pelatih Piala Dunia Remaja di New Delhi, Disember ini selain Faiz Helmi Jali, Mohd. Izad Hakimi Jamaluddin, Fitri Saari dan Muhammad Firhan. Dua puluh pemain terbaik ke Liga Hoki Dunia 3 dari 25 Jun hingga 7 Julai akan disenaraikan pada 14 Jun selepas Revington menilai prestasi kesemuanya menerusi lima perlawanan menentang Wilayah Lioaning China dari 26 Mei hingga 1 Jun dan siri empat ujian di Afrika Selatan (Potchefstroom dan Johannesburg, 2 hingga 12 Jun). Malaysia diletakkan dalam Kumpulan B liga itu dengan England, Pakistan dan Afrika Selatan namun Revington meletakkan sasaran untuk anak buahnya mara ke perlawanan akhir supaya mudah layak automatik ke Piala Dunia di The Hague, Belanda, tahun depan tanpa perlu menunggu keputusan pemenang lain mahupun Piala Asia di Ipoh.